

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

Februari 1998

FKK 171.1 - Kemahiran Komunikasi Untuk Farmasi

Masa: 2 jam

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

(FFK 171)

- I. Senaraikan sepuluh (10) faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanan proses komunikasi semasa interaksi di antara ahli farmasi dengan pesakit. Jelaskan dengan terperinci setiap faktor di atas serta langkah-langkah yang boleh diambil oleh ahli farmasi dalam mengatasi masalah tersebut.

(20 markah)

- II. Keadaan ekonomi negara serta negara ASEAN yang lain telah terjejas akibat kejatuhan nilai matawang. Masalah ini dijangka akan berterusan beberapa tahun lagi. Ini telah mengakibatkan kenaikan harga ubat-ubatan di pasaran. Anda akan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Pemasaran Syarikat Farmaseutikal UVW. Bincangkan model komunikasi dari sudut pemasaran. Jelaskan strategi serta teknik pemasaran bagi mempromosi dan memasarkan produk farmaseutikal syarikat anda supaya syarikat anda mampu berdaya saing dengan syarikat-syarikat lain.

(20 markah)

- III. Huraikan perkara-perkara berikut:

- (i) Ketegasan dalam komunikasi antara profesional kesihatan.
- (ii) Ciri-ciri pesakit yang menghalang proses komunikasi interpersonal.

(20 markah)

- IV. Bincangkan proses memberi maklumbalas terhadap pertanyaan informasi drug yang sistematik.

(20 markah)

.....3/-

(FFK 171)

V. Apakah maksud komunikasi unggul? Terangkan bagaimana kemahiran asas komunikasi dapat berikan untuk mencapai komunikasi unggul.

(20 markah)

VI. (A) Benarkah kemahiran berkomunikasi itu adalah satu seni? Terangkan alasan anda dan berikan contoh-contoh yang sesuai.

(10 markah)

(B) Huraikan dengan ringkas peranan teknik bukan verbal di dalam suatu proses komunikasi interpersonal.

(10 markah)

oooOOOooo